

# Pelajar hisap vape membimangkan

Semakin  
menular dan  
dikhuatiri  
menyebabkan  
ketagihan

NORMAWATI ADNAN

IPOH

**K**ementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengesan tindakan tegas terhadap pelajar yang terlibat dengan penggunaan rokok elektronik atau vape.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, penggunaan vape dalam kalangan pelajar semakin menular dan dikhuatiri menyebabkan ketagihan sehingga menjadi perokok.

"Kerajaan memandang serius isu ini dan akan mengambil tindakan terhadap pelajar yang membawa peralatan vape ke sekolah.

"Jika didapati ada, tin-

dakan tegas termasuk sita boleh dikenakan," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada 200 warga emas dan golongan miskin di Taman Song Choon di sini semalam.

Menurutnya, guru dan ibu bapa perlu memberi perhatian serius sekiranya terdapat pelajar yang menggunakan pen atau jam tangan dalam bentuk mencurigakan.

"Sekarang sudah canggi, ada peranti vape yang bentuknya seperti pen, jam tangan dan sebagainya. Kadangkala mereka kata beli dan bawa jam tangan ke sekolah tetapi sebenarnya ia adalah peranti vape," katanya.

Boon Chye berkata, bagi langkah kawalan jangka panjang, Kementerian telah mengarahkan tindakan besar-besaran bersama agensi kerajaan lain iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Eihwal Pengguna (KPDNHEP) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Menurutnya, tindakan itu termasuk mengeluarkan semua peranti vape



Boon Chye menyampaikan sumbangan kepada 200 warga emas dan golongan miskin di Taman Song Choon di Ipoh semalam.

Dalam isu berlainan, Boon Chye berkata, langkah kerajaan mengutamakan cukai ke atas minuman bergula menunjukkan kesan awal yang positif apabila sudah ada syarikat mula mengurangkan kandungan gula dalam beberapa produk dihasilkan.

Menurutnya, menerusi dialog yang diadakan bersama syarikat pengeluar, mereka menyatakan kesediaan untuk menyediakan kerajinan buhutan atas faktor kesihatan semata-mata tetapi dapat mengurangkan kos pengeluaran.

"Pada awal cadangan memang ada bantahan tetapi apabila diterangkan mereka faham dan telah mulakan pelan untuk kurangkan gula dalam produk mereka.

"Daripada menanggung kos tambahan akibat cukai yang dikenakan, lebih baik mereka mematuhi peraturan ditetapkan dan syarikat dapat jimat hingga berjuta-juta ringgit untuk tanggungan kos gula," katanya.

produk tersebut telah dikeluarkan daripada pasaran buat sementara waktu kerana kebanyakan negeri, antaranya Sabah, Perak, Melaka dan Johor.

"Produk ini berada di pasaran sejak 2015 dengan import utama di Perak. Walaupun hasil kajian tidak menemui sebarang kandungan berbahaya, kita tidak menggalakkan marakan sedemikian kerana penggunaannya menyertai merokok," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai penjualan gula-gula ghost smoke yang mengeluarkan asap seperti rokok, Ahli Parlimen Gopeng itu berkata,

"Jika ada pelajar yang nak beli, mereka katakan *out of stock* tetapi bukan kerana permintaannya tinggi, sebaliknya kerana telah diarah menghentikanedaran."

"Begitu juga dengan akta baharu berkaitan